

14/11/1999

Barisan kembali bertenaga

Rasid Rahaman

KETIKA berceramah di Perumahan Manal Jaya (2), Tanah Merah dekat sini, baru-baru ini, Menteri Besar Nik Abdul Aziz Nik Mat menyifatkan sepanduk berbunyi `dekok 10 taung doh demo perintah Kelate tak dok gapo satu pun demo buak, tok malu ke make gaji buto' sebagai perbuatan tangan-tangan syaitan.

Menurutnya, perkataan itu tidak wajar dipermainkan kerana boleh diibaratkan sebagai zaman orang tidak bersekolah atau orang dulu kala.

"Sewajarnya sepanduk yang mengandungi perkataan seumpama itu tidak dipamerkan kerana ia boleh melukakan hati orang lain," katanya.

Berdasarkan kenyataan Nik Aziz itu, jelas menunjukkan kebimbangannya dengan maksud ayat yang tertera di sepanduk itu, lebih-lebih lagi selepas menyedari kegagalannya membawa sebarang perubahan terutama pembangunan di negeri ini walaupun sudah diberi peluang memerintah sejak 1990.

Nik Aziz yang akan mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Cempaka pada pilihan raya kali ini, tidak boleh tidak, terpaksa menerima hakikat itu.

Kini tarikh pilihan raya umum ke-10 sudah diumumkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Jumaat lalu. Penamaan calon pada 20 November manakala pembuangan undi, 29 November.

Dalam tempoh sembilan hari, semua parti politik dibenarkan berkempen. Begitu juga di Kelantan. Berdasarkan perkembangan semasa, BN dijangka membangkitkan isu pembangunan sebagai senjata utama dalam kempenya untuk menumbangkan kerajaan Pas Kelantan.

Ia tidak boleh dinafikan apabila sepanduk yang menguris hati Nik Aziz itu kini lebih banyak kelihatan berbanding sebelum ini di pelusuk negeri ini selepas SPR mengumumkan tarikh pilihan raya. Sehingga kini, tidak ada siapa yang mengaku bertanggungjawab memasang sepanduk berkenaan.

Ia dapat dilihat di mana-mana. Dengan berlatar belakang warna biru manakala tulisannya pula berwarna hijau - warna kesukaan ahli Pas. Yang penting, sepanduk itu dapat membuka mata rakyat apa yang ada di sekeliling mereka.

Adakah isu pembangunan mampu membantu BN merampas kembali Kelantan dari tangan Pas? Adakah isu pembangunan yang diutarakan BN nanti akan membuka hati pengundi untuk memilih BN pada pilihan raya kali ini?

Oleh itu, pertarungan pilihan raya di Kelantan kali ini dijangka hebat. Ini kerana ramai pemerhati politik beranggapan kekuatan Pas dan BN kini seimbang, berbanding dua pilihan raya lalu, iaitu 1990 dan 1995. Ada yang berpendapat sejak isu pembangunan dibangkitkan dalam ceramah BN sebelum ini, kekuatan parti komponen itu kini meningkat kepada 49 peratus, berbanding Pas, 51 peratus. Malah, ada yang berani meramalkan, jika pun BN tewas pada pilihan raya kali ini, ia hanya membabitkan kekalahan tipis menerusi satu dua kerusi saja.

Itulah antara penilaian yang dapat dibuat berdasarkan perkembangan semasa senario politik negeri itu.

Umum tahu kemenangan Pas di Kelantan pada 1990 dan 1995 bukan kerana mereka kuat, tetapi disebabkan bantuan Parti Melayu Semangat 46 (S46) apabila menjalinkan kerjasama melalui Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Lebih menguntungkan, apabila Umno ketika itu mengalami perpecahan, kerana ramai pemimpinnya termasuk bekas Naib Presiden Umno, Tengku Razaleigh Hamzah dan ahlinya bertindak keluar parti, untuk menubuhkan S46.

Tetapi hari ini, APU sudah tidak ada lagi dan Pas tinggal seorang diri

untuk berhadapan dengan BN. Dilihat pada perkembangan terbaru sekarang, Pas kini terdedah kepada perpecahan berikutan tindakan parti itu mengadakan kerjasama dengan parti pembangkang lain, termasuk DAP, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) menerusi Barisan Alternatif.

Buktinya, ramai daripada bekas ahli Pas menyertai parti Pas Baru, Berjasa dan Angkatan Keadilan Insan Malaysia (Akim) dan kumpulan Al-Islah.

Malah, seorang Ahli Jawatankuasa Pas cawangan Kedai Mulong, Zainal Abidin Mat Yusoff, membuat bantahan terbuka apabila sanggup merentang sepanduk lambang Pas dengan bertuliskan kata-kata 'Pas Bukan Parti Islam'.

Tindakan itu sebagai tanda bantahan ahli Pas terhadap usaha pucuk pimpinan parti itu mengadakan kerjasama dengan parti pembangkang di samping hasratnya menerima orang bukan Islam, menjadi Perdana Menteri.

Kini keempat-empat parti itu bekerjasama dalam suatu gagasan yang dikenali sebagai Angkatan Insaf Rakyat (AIR).

Pengerusinya, Hashim Othman, berkata tindakan gagasan itu menyertai pilihan raya kali ini untuk memastikan kerajaan Pas Kelantan ditumbangkan.

Ia juga ditubuhkan sebagai memprotes sikap Pas yang menyeleweng daripada dasar perjuangan sebenarnya kerana bekerjasama dengan DAP.

Beliau berkata, penyokong AIR akan menentang Pas habis-habisan selagi parti itu tidak memutuskan hubungan dengan DAP, sebagai salah satu parti yang menganggotai pakatan Barisan Alternatif.

Seperti kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, kewujudan beberapa parti serpihan di Kelantan tidak membebankan Umno, sebaliknya berkemampuan menjejaskan pengaruh Pas di sesetengah kawasan pada pilihan raya kali ini.

Yang penting, kini BN Kelantan mempunyai ruang lebih luas kerana pelbagai isu boleh dibangkitkan antaranya dalam soal pembangunan, kemiskinan, pengangguran, masalah bekalan air, sistem jalan raya yang kurang sempurna dan kedudukan golongan wanita.

Rakyat juga boleh menilai sendiri sejauh mana perubahan yang dilakukan oleh kerajaan Pas Kelantan sejak memerintah negeri ini hampir 10 tahun lalu.

Dalam menyentuh isu pengangguran, ia adalah satu-satunya isu yang sukar ditangkis oleh kerajaan Pas Kelantan. Ini kerana sejak parti itu memerintah, kadar pengangguran di Kelantan terus meningkat. Malah, kegagalan kerajaan negeri melaksanakan program pembangunan terutama dalam usaha menarik pelabur menanam modal di negeri ini, adalah antara kelemahannya paling ketara.

Statistik menunjukkan kadar pengangguran di Kelantan meningkat kepada 4.3 peratus pada separuh penggal pertama tahun ini, berbanding 3.9 peratus dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Masalah pengangguran sesungguhnya berkait rapat dengan masalah pembangunan di negeri ini. Itulah segala puncunya. Kerajaan Pas Kelantan gagal melaksanakan program pembangunan terutama dalam usaha menarik pelabur menanam modal di negeri ini.

Pelabur dikenal pasti enggan melabur ke negeri ini kerana kegagalan kerajaan Pas Kelantan menyediakan kemudahan infrastruktur sempurna, selain masalah bekalan air dan jalan raya.

Masalah ini juga menyebabkan ramai rakyat Kelantan terpaksa berhijrah ke negeri lain untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Statistik menunjukkan lebih 700,000 rakyat Kelantan terutama belia berhijrah ke Singapura, Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan untuk mencari kerja.

Perlu diingat, di Kelantan, 54 peratus daripada jumlah pengundinya adalah wanita. Golongan itu juga dianggap sebagai penentu kemenangan sesuatu parti pada pilihan raya kali di negeri ini. Kerana menyedari hakikat itu dan tindakan Pas yang tidak pernah menghargai sokongan wanita, BN perlu mengambil kesempatan ini untuk meraih undi daripada golongan ini.

Jaminan Tengku Razaleigh kepada kedudukan wanita di negeri ini, sedikit sebanyak membantu mempopularkan dirinya dan juga BN. Walaupun ramai berpendapat nasib wanita diperjuangkan oleh wanita sendiri, yang penting mereka mesti diberi tempat dalam proses membuat dasar negara. Ruang itu yang akan disediakan BN, berbanding Pas yang meminggirkan golongan itu.

Pas kini kekurangan isu untuk memburukkan musuhnya itu dalam kempenya. Oleh itu, kempenya kali ini mungkin menjurus kepada kempen peribadi terhadap musuh politiknya terutama membabitkan Tengku Razaleigh. Ia berbeza dengan Umno dan BN yang mempunyai senjata untuk menunjukkan kelemahan kerajaan Pas Kelantan.

Hendak bercakap mengenai agama, Pas sudah kehilangan modal, malah setiap tuduhan yang dibuat ke atas Umno, terpalit ke muka mereka semula. Contoh, isu kafir mengkafir.

Sehubungan itu, BN atau Umno perlu bekerja kuat dan menyiapkan jentera di peringkat akar umbi untuk menarik pengundi supaya memilih BN.

Selain kempen, jentera berkenaan perlu bergerak dari rumah ke rumah untuk menyelami masalah dan hati rakyat.

Untuk itu, BN seharusnya tidak melupakan untuk menumpukan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dimenangi Pas pada pilihan raya umum 1995, tetapi hanya menerusi majoriti kecil, kurang daripada 2,000 pengundi. Di sinilah perlu diambil berat oleh Umno dan BN.

Tidak siapa boleh menafikan melalui pendekatan itu BN mampu menawan semula beberapa kerusi untuk menentukan kejayaannya menawan negeri ini daripada Pas. Antara kerusi berkenaan ialah DUN Wakaf Bharu apabila calon Pas hanya menang dengan majoriti 1,277 undi, Pengkalan Pasir (1,036 undi), Bukit Tuku (1,741 undi), Perupok (1,784 undi), Kadok (1,341 undi), Selising (1,1347 undi), Gaal (1,324 undi), Pulau Chondong (1,461 undi), Banggol Judah (1,347 undi) dan Manek Urai (1,715 undi).

BN juga berpeluang cerah merampas empat DUN dari Pas pada pilihan raya kali ini kerana musuh tradisinya itu hanya menang dengan majoriti kurang 1,000 undi pada pilihan raya 1995. DUN berkenaan ialah Chetok dengan majoriti 343 undi, Bukit Panau (961 undi), Kemuning (102) dan Air Lanas (409).

Biarpun begitu, dalam menumpukan perhatian kepada kawasan DUN terbabit, BN tidak boleh mengabaikan kawasan yang dimenangi pada pilihan raya umum 1995 dengan majoriti kecil seperti DUN Pergau dengan majoriti 265 undi dan Guchil, 577 undi.

Pada pilihan raya 1995, Pas menguasai 26 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), manakala selebihnya (17) dikuasai BN. Sementara di peringkat Parlimen pula kedua-dua parti berkongsi sama banyak iaitu 7-7.

Ramai yang beranggapan Umno Kelantan kembali bertenaga selepas Tengku Razaleigh mengambil alih teraju kepemimpinannya selepas dua penggal dipimpin oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri.

Perdana Menteri mengambil alih jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri itu dengan dibantu Datuk Annuar Musa sebagai timbalannya, selepas Umno mengalami kekalahan teruk '39-0' di tangan Pas pada pilihan raya umum 1990.

Jika semua ini diambil kira, tidak ada sebab Kelantan tidak boleh dirampas kembali. Semuanya bergantung kepada Umno sendiri, bagaimana untuk menyelami dan mengambil hati rakyat yang kini masih terpingga-pingga untuk memilih siapa yang wajar memerintah negeri ini pada pilihan raya kali ini.

(END)